

وَإِنِّي إِذَا نَسَبْتُ الْحَدِيثَ إِلَيْهِمْ كَأَنِّي أَسْنَدْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَنَّهُمْ قَدْ فَرَعُوا مِنْهُ وَأَعْنُونَا عَنْهُ
وَسَرَدْتُ الْكُتُبَ وَالْأَبْوَابَ كَمَا سَرَدَهَا وَافْتَقَيْتُ أَثَرَهُ فِيهَا وَقَسَمْتُ كُلَّ بَابٍ عَالِيًا عَلَى فُصُولٍ ثَلَاثَةٍ

Jika aku menghubungkan sesuatu hadits dengan salah seorang tokoh yang tersebut itu, maka semacam aku menghubungkan hadits itu dengan Nabi s.a.w., sebab mereka telah mengemukakan sanadnya dengan lengkap sehingga tidak perlu lagi kita mengemukakannya pula.²³ Aku turut saja pengarang asalnya dalam mengatur kitab-kitab dan bab-babnya.²⁴ Pada umumnya aku bahagikan setiap bab kepada tiga fasal.

“at-Tajriidu lish Shihaahis Sittah” di dalam kitab tersebut banyak terdapat hadits-hadits yang tidak tersebut di dalam “Kutubus Sittah”. Di dalamnya juga terdapat beberapa hadits maudhu’ seperti hadits yang menerangkan tentang shalat Ragh’ib.

²³ Di sini pengarang Misykaat cuba menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul di dalam benak sesetengah pihak. Bahawa bukannya pengarang kitab Mashabihih iaitu Imam Baghawi telah dikritik oleh beberapa orang tokoh hadits kerana beliau tidak mengemukakan sanad bagi hadits-hadits yang dikemukakan di dalam kitab beliau itu? Apa bezanya pengarang Mashabihih dengan pengarang Misykaat? Kerana pengarang Misykaat juga tidak mengemukakannya. Dengan itu tidakkah beliau juga akan menjadi sasaran kritikan orang seperti yang telah berlaku kepada pengarang kitab Mashabihih sebelumnya? Melalui perenggan ini pengarang Misykaat cuba menerangkan sedikit perbezaan di antara kitab Misykaat dan kitab Mashabihih, di samping menerangkan juga pembaharuan yang dilakukannya terhadap kitab Mashabihih yang merupakan asas bagi kitab Misykaat yang disusunnya itu. Perbezaannya terletak pada dua perkara, iaitu: (1) Pengarang Mashabihih langsung tidak menyebut sanad setiap hadits yang dikemukakannya. Nama perawi teratas yang terdiri daripada para sahabat pun tidak disebutkan. Pengarang Misykaat menyebutnya. Nama tokoh-tokoh yang merupakan tempat ambilan hadits juga tidak disebut oleh pengarang Mashabihih. Pengarang Misykaat menyebutnya di akhir setiap hadits yang dibentangkan. Soal kenapakah beliau tidak mengemukakan sanad setiap hadits sepenuhnya, itu bagi beliau tidak perlu lagi setelah disebutkan nama pengarang kitab-kitab asal yang menjadi punca bagi hadits yang dikemukakan. Oleh kerana pengarang kitab-kitab asal itu telah pun mengemukakannya dengan lengkap, apa perlu lagi sanadnya dikemukakan pula?

²⁴ Pada kebiasaannya pengarang-pengarang membahagikan kitab tulisan mereka kepada beberapa bahagian. Bahagian-bahagian yang merupakan tajuk besar dalam membincangkan sesuatu perkara di namakan kitab. Bahagian-bahagian kecil yang termasuk di bawah tajuk besar tentang sesuatu perkara pula dinamakan bab. Misalnya thaharah (bersuci) adalah satu tajuk besar. Maka pengarang akan membuat satu tajuk besar untuknya berbunyi: كتاب الطهارة . Di bawahnya terdapat sekian banyak tajuk-tajuk kecil berkenaan dengan thaharah, seperti wudhu’, mandi, tayammum dan sebagainya. Untuk tajuk-tajuk kecil itu pengarang akan membuat tajuk seperti باب الوضوء , باب الغسل , باب التيمم , dan sebagainya. Dalam menyusun kitab-kitab dan bab-bab itu pengarang Misykaat menurut saja apa yang telah dibuat pengarang Mashabihih. Kerana apa yang dibuatnya sudah cukup elok dan teratur.

أُولَٰهَا مَا أَخْرَجَهُ الشَّيْخَانِ أَوْ أَحَدُهُمَا وَاکْتَفَيْتُ بِهِمَا وَإِنْ اشْتَرَكَ فِيهِ الْغَيْرُ لَعَلَّوْا دَرَجَتَهُمَا فِي الرَّوَايَةِ وَثَانِيهَا مَا أَوْرَدَهُ غَيْرُهُمَا مِنَ الْأَثْمَةِ الْمَذْكُورَيْنِ وَثَالِثُهَا مَا اشْتَمَلَ عَلَى مَعْنَى الْبَابِ مِنْ مُلَحَقَاتٍ مُنَاسِبَةٍ مَعَ مُحَافَظَةِ عَلَى الشَّرْطَةِ وَإِنْ كَانَ مَأْثُورًا عَنِ السَّلَفِ وَالْخَلَفِ

Pertama: Hadits-hadits yang dikemukakan oleh Bukhari dan Muslim atau salah seorang dari keduanya. Aku cukupkan dengan hadits yang diriwayatkan oleh kedua mereka, walaupun hadits tersebut diriwayatkan juga oleh ahli hadits yang lain, lantaran tingginya darjat riwayat yang disampaikan oleh kedua tokoh itu.

Kedua: Hadits-hadits yang ditulis oleh para ahli hadits selain Bukhari dan Muslim.

Ketiga: Hadits-hadits atau atsar-atsar yang mengandung maksud bab berupa tambahan-tambahan yang sesuai, di samping menjaga syarat tersebut tadi. Walaupun ia dinukikan dari salaf (sahabat) mahupun khalaf (taabi'e).²⁵

ثُمَّ إِنَّكَ إِنْ فَقَدْتَ حَدِيثًا فِي بَابٍ فَذَلِكَ عَنْ تَكْرِيرٍ أُسْقِطُهُ وَإِنْ وَجَدْتَ آخَرَ بَعْضُهُ مَتْرُوكًا عَلَى اخْتِصَارِهِ أَوْ مَضْمُونًا إِلَيْهِ تَمَامُهُ فَعَنْ دَاعِي اهْتِمَامٍ أَتْرَكُهُ وَأُلْحِقُهُ وَإِنْ عَثَرْتَ عَلَى اخْتِلَافٍ فِي الْفَصْلَيْنِ مِنْ ذِكْرِ غَيْرِ الشَّيْخَيْنِ فِي الْأَوَّلِ وَذَكَرَهُمَا فِي الثَّانِي فَأَعْلَمْ أَنِّي بَعْدَ تَتَبُّعِي كِتَابِي الْجَمْعِ بَيْنَ الصَّحِيحَيْنِ لِلْحَمِيدِيِّ وَجَامِعِ الْأَصُولِ اعْتَمَدْتُ عَلَى صَحِيحِي الشَّيْخَيْنِ وَمَتَنِيهِمَا

Kemudian jika engkau tidak mendapati hadits di dalam sesuatu bab, itu adalah disebabkan oleh pengulangan yang sengaja aku gugurkan.²⁶ Adapun jika engkau

²⁵ Imam Baghawi di dalam Mashabiih hanya mengemukakan dua fasal sahaja. Fasal pertama dinamakan fasal yang mengumpulkan hadits-hadits sahih. Maksud beliau dengan hadits-hadits sahih itu ialah hadits-hadits yang terdapat di dalam Sahih bukhari dan Muslim. Fasal kedua dinamakan fasal yang mengumpulkan hadits-hadits hasan. Maksud beliau dengan hadits-hadits hasan itu ialah hadits-hadits yang terdapat di dalam Sunan Abi Daud, Nasaa'i, Tirmizi dan lain-lain. Walaupun banyak daripada hadits-hadits yang diambil daripada kitab-kitab itu sebenarnya sahih. Ini adalah semata-mata istilah beliau sendiri. Fasal ketiga ditambah oleh pengarang Misykaat. Fasal ketiga selain mengandungi hadits-hadits marfu', kadang-kadang ia juga menandungi atsar para sahabat dan tabi'in. Biar apa pun, pengarang Misykaat tetap menjaga syarat yang telah ditentukan olehnya sendiri, iaitu beliau mesti menyebut nama sahabat atau tabi'e yang merupakan perawi teratas bagi atsar yang dikemukakan. Di samping itu beliau juga menyebut nama pengarang kitab tempat ambilannya.

وَأَنْ رَأَيْتَ اخْتِلَافًا فِي نَفْسِ الْحَدِيثِ فَذَلِكَ مِنْ تَشَعُّبِ طُرُقِ الْأَحَادِيثِ وَلَعَلِّي مَا أَطْلَعْتُ عَلَى تِلْكَ الرَّوَايَةِ الَّتِي سَلَكَهَا الشَّيْخُ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - وَقَلِيلًا مَا تَجِدُ أَقْوَلَ مَا وَجَدْتُ هَذِهِ الرَّوَايَةَ فِي كُتُبِ الْأُصُولِ أَوْ وَجَدْتُ خِلَافَهَا فِيهَا فَإِذَا وَقَفْتُ عَلَيْهِ فَانْسُبِ الْقُصُورَ إِلَى لِقَلَّةِ الدَّرَايَةِ لَا إِلَى جَنَابِ الشَّيْخِ - رَفَعَ اللَّهُ قَدْرَهُ فِي الدَّارَيْنِ - حَاشَا لِلَّهِ مِنْ ذَلِكَ رَحِمَ اللَّهُ مَنْ إِذَا وَقَفَ عَلَى ذَلِكَ نَبَّهَنَا عَلَيْهِ وَأَرْشَدَنَا طَرِيقَ الصَّوَابِ وَلَمْ آلُ جُهْدًا فِي التَّنْقِيرِ وَالتَّفْتِيشِ بِقَدْرِ الْوُسْعِ وَالطَّاقَةِ وَنَقَلْتُ ذَلِكَ الْإِخْتِلَافَ كَمَا وَجَدْتُ

Jika engkau lihat ada perbedaan pada hadits itu sendiri, maka itu berpunca daripada banyaknya saluran hadits.²⁹ Mungkin aku tidak mengetahui riwayat yang dipakai oleh Syeikh (al-Imam al-Farra' al-Baghawi). Engkau akan dapati sedikit sekali aku berkata: "Aku tidak dapati riwayat ini (riwayat yang dikemukakan oleh Imam Baghawi) di dalam kitab-kitab ushul atau aku dapati riwayatnya bercanggah dengan riwayat di dalam kitab-kitab ushul."³⁰ Jika engkau dapati apa yang aku katakan itu tidak benar, maka kaitkanlah kekurangan itu denganku. Ia disebabkan oleh kurangnya pengetahuanku. Jangan engkau kaitkannya dengan diri Tuan Syeikh (Imam Baghawi)-Semoga Allah meninggikan darjat beliau di dunia dan di akhirat- Jauh sekali beliau akan melakukan kesilapan seperti itu. Semoga Allah merahmati orang yang apabila mengetahui apa yang benar, dia terus mengingatkan daku tentangnya dan membimbing daku ke jalan yang betul.³¹ Sehabis daya telah ku curahkan dalam memeriksa dan menyelidik. Aku hanya menukilkan percanggahan itu sebagaimana telah aku dapati.

²⁹ Maksudnya ialah jika engkau nampak ada sedikit perbedaan pada lafaz sesuatu hadits yang diriwayatkan oleh pengarang Mashabihih dan olehku, maka itu berpunca daripada banyaknya saluran riwayat hadits itu. Pengarang Mashabihih meriwayatkannya berdasarkan sanad yang sampai kepadanya. Aku pula meriwayatkannya berdasarkan sanad hadits yang sampai kepadaku.

³⁰ Yang dimaksudkan dengan kitab-kitab ushul di sini ialah kitab-kitab tokoh-tokoh muhadditsin yang disebutkan sebelum ini seperti Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud dan lain-lain.

³¹ Maksud pengarang Misykaat di sini ialah jika ada sesiapa mengetahui riwayat yang dikemukakan oleh Imam Baghawi di dalam kitabnya Mashabihih yang tidak kutemui di dalam kitab-kitab ushul itu, dia hendaklah mema' lumkan kepadaku sekiranya aku masih hidup. Dan jika aku telah meninggal dunia, dia boleh menambahkannya ke dalam kitabku ini. Sama ada dalam bentuk syarah atau hasyiah.

وَمَا أَشَارَ إِلَيْهِ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - مِنْ غَرِيبٍ أَوْ ضَعِيفٍ أَوْ غَيْرِهِمَا بَيَّنْتُ وَجْهَهُ غَالِبًا وَمَا لَمْ يُشَرِّ إِلَيْهِ مِمَّا فِي الْأُصُولِ فَقَدْ قَفَيْتُ فِي تَرْكِهِ إِلَّا فِي مَوَاضِعٍ لِعَرَضٍ وَرُبَّمَا تَجِدُ مَوَاضِعَ مُهْمَلَةً وَذَلِكَ حَيْثُ لَمْ أَطْلُعْ عَلَى رَاوِيهِ فَتَرَكْتُ الْبَيَاضَ فَإِنْ عَثَرْتُ عَلَيْهِ فَأَلْحَقَهُ بِهِ - أَحْسَنَ اللَّهُ جَزَاءَكَ -

Isyarat penulis kitab asal (Imam Baghawi r.a.) tentang gharibnya (sesuatu hadits) atau dhaifnya atau lain-lain, kebanyakannya aku terangkan sebabnya. Hadits-hadits di dalam kitab-kitab Ushul yang tidak diisyaratkan olehnya, aku turut saja beliau dalam meninggalkannya, kecuali pada beberapa tempat kerana sesuatu maksud.³² Mungkin engkau akan dapati beberapa tempat yang kosong. Keadaan itu berlaku apabila aku tidak mengetahui perawinya, maka sengaja aku tinggalkan begitu saja. Jika engkau menemuinya, engkau masukkanlah ke tempat yang kosong itu (sempurnakanlah kekurangan tersebut). Semoga Allah mengganjarimu dengan ganjaran yang baik.

وَسَمَّيْتُ الْكِتَابَ بِمَشْكَاةِ الْمَصَابِيحِ وَأَسْأَلُ اللَّهَ التَّوْفِيقَ وَالْإِعَانَةَ وَالْهِدَايَةَ وَالصِّيَانَةَ وَتَيَسِّرْ مَا أَقْصِدُهُ وَأَنْ يَنْفَعَنِي فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ حَسْبِيَ اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ

³² Di kebanyakan tempat apabila Imam Baghawi r.a. di dalam Mashabiihnya menghukum sesuatu hadits dengan gharib, dha'if, syaz atau mungkar, pengarang Misykaat akan menjelaskan kenapa ia gharib atau dha'if. Kenapa pula ia dikatakan syaz atau mungkar. Hadits-hadits yang tidak dihukum apa-apa pula oleh Imam Baghawi r.a., tidak akan disentuh oleh pengarang Misykaat. Beliau turut saja pengarang asal tanpa membuat apa-apa komen. Tetapi ada juga di setengah-setengah tempat, di mana pengarang Mashabiih tidak menghukum apa-apa terhadap sesuatu hadits, pengarang Misykaat tetap mengomentarnya. Keadaan seperti ini hanya berlaku apabila ada sebab-sebab tertentu seperti ada pihak menganggap hadits tertentu sebagai maudhu' misalnya atau hadits itu dikatakan batil dan sebagainya. Padahal hadits itu dikatakan sahih atau hasan oleh Tirmizi dan lain-lain tokoh hadits. Untuk menolak kritikan-kritikan dan tohmahan-tohmahan seperti itulah pengarang Misykaat akan membuat sedikit ulasan tentangnya. Antara sebab pengarang Misykaat membuat ulasan di tempat-tempat yang pengarang Mashabiih tidak menghukum apa-apa ialah seperti kata at-Thibi (Husain bin 'Abdullah bin Muhammad m743H), bahawa di dalam khutbah kitab Mashabiih, pengarangnya telah mensyaratkan (berjanji) untuk tidak mengemukakan hadits-hadits mungkar di dalam kitabnya itu. Tetapi ternyata banyak juga hadits mungkar dibawanya di dalam kitab tersebut. Walaupun di sesetengah tempat Imam Baghawi sendiri telah menjelaskan kemungkarannya. Namun di beberapa tempat lain ia masih terbiar tanpa penjelasan. Ulasan pengarang Misykaat di tempat-tempat itu hanyalah untuk memenuhi syarat (janji) yang telah dibuat oleh pengarang asalnya.

Kitab ini kuberi nama: "MISYKATUL-MASHAABIIH",³³ dengan harapan semoga Allah memberikan taufik, pertolongan, petunjuk, perlindungan dan kemudahan dalam

³³ Misykaat ialah ceruk (lubang di dinding rumah yang tidak tembus sampai ke sebelahnya) pada dinding bahagian dalam rumah. Ia adalah sesuatu yang mesti dalam seni bina abad-abad pertengahan. Di dalamnya diletakkan barang-barang kecil atau lampu. Tujuan lampu diletakkan di dalamnya ialah supaya cahayanya bertambah terang. Mashaabiih pula ialah kata jama' bagi perkataan Mishbaah, bererti lampu-lampu. Maksud tersirat di sebalik penamaan kitab ini dengan Misykaat al-Mashaabiih ialah: (1) Kitab yang merupakan landasan asas bagi kitab Misykaat bernama Mashaabiih as-Sunnah (Lampu-Lampu as-Sunnah), karangan Imam Baghawi. Lampu-lampu as-Sunnah itu jika diletakkan di dalam ceruk dinding (Misykaat), diharap akan bertambahlah sinar cahayanya. (2) Hadits-hadits Rasulullah s.a.w. itu bagaikan lampu-lampu yang menyulahi manusia supaya mengikuti jalan yang benar. Kitab Misykaat ini pula bagaikan ceruk pada dinding di mana diletakkan lampu-lampu itu untuk menambah dan menyerlahkan lagi cahayanya. (3) Mengambil sempena daripada firman Allah di dalam Surah an-Nuur (cahaya). Di dalamnya juga tersebut perkataan مصباح, نور dan مشكاة. Berikut ialah firman Allah itu:

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۚ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۚ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ۚ نُورٌ عَلَى نُورٍ ۚ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن يَشَاءُ ۚ وَنَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ ۚ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ۝

Bermaksud: Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi. Perumpamaan cahayaNya adalah sebagai sebuah misykaat (ceruk pada dinding) yang berisi sebuah lampu. Lampu itu dalam geluk kaca (qandil). Geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang. Lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya (kerana jernihnya), walaupun ia tidak disentuh api. Cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada cahayaNya itu, dan Allah mengemukakan berbagai-bagai perumpamaan untuk umat manusia, dan Allah Maha mengetahui segala sesuatu. (An-Nuur:35).

Syah `Abdul `Aziz di dalam Bustan al-Muhadditsin menulis bahawa bilangan hadits di dalam kitab Mashaabiih as-Sunnah Imam Baghawi adalah 4484. Demikian juga tulis Ibnu al-Malik. Pengarang Misykaat menambahkan sejumlah 1511 hadits. Jadi semua hadits yang terkandung di dalam Misykaat berjumlah 5995. Tetapi pengarang syarah Misykaat yang bernama Mazaahiri Haq (dalam bahasa Urdu) dan pengarang at-Ta'liq as-Shabiih (dalam bahasa `Arab) mengatakan hadits-hadits yang terkandung di dalam kitab Mashaabiih berjumlah 4434. Jadi berdasarkan keterangan mereka ini hadits-hadits yang terkandung di dalam Misykaat hanya berjumlah 5945. Di dalam kitab Tarikh al-Hadits tersebut bahawa kitab Misykaat mengandungi 29 kitab, 327 bab dan 1038 fasal kesemuanya.

mencapai maksudku. Semoga kitab ini bermanfaat kepadaku dan juga kepada kaum muslimin dan muslimat ketika masih hidup dan juga selepas mati.³⁴

Cukuplah Allah kepadaku. Dialah sebaik-baik pelindung. Tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَّا نَوَىٰ فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ (متفق عليه)

Umar bin al-Khatthaab³⁵ meriwayatkan, kata beliau: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Segala amalan dikira hanya dengan niat. Sesungguhnya setiap orang akan mendapat apa yang diniatinya sahaja. Sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan RasulNya,

³⁴ Manfa'at sesebuah kitab, khususnya kitab hadits ketika masih hidup bererti ia berguna dan menjadi panduan orang ramai dalam kehidupan di dunia ini. Hadits-hadits yang tersebut di dalamnya dipakai dan diamal orang. Manfa'atnya untuk selepas mati bererti Allah memberkatinya dan menjadikannya sebab yang membawa kepada keampunan, keredhaan dan rahmatNya.

³⁵ Beliau ialah Umar bin al-Khatthaab bin Nufail bin Abdi al-Uzza bin Riyaah bin Abdillah bin Qurth bin Razaah bin Adi bin Ka'ab bin Lu'ai bin Ghalib al-Qurasyi. Silsilah keturunannya bertemu dengan silsilah keturunan Nabi s.a.w. pada Ka'ab bin Lu'ai. Beliau adalah salah seorang cendekiawan di kalangan sahabat. Khalifah Rasyid kedua umat Islam dan salah seorang daripada sepuluh orang sahabat yang dijanjikan syurga oleh Rasulullah s.a.w. Beliau adalah khalifah yang mula-mula sekali dipanggil dengan gelaran Amirul Mu'minin. Islam menyerlah sebaik beliau memeluk agama Islam. Kerana itulah beliau juga digelar dengan al-Faaruuq. Semua peperangan bersama Nabi s.a.w. disertainya. Beliau dilantik menjadi khalifah selepas Abu Bakar dengan persetujuan seluruh umat Islam pada waktu itu. Banyak sekali jasa dan sumbangannya terhadap Islam sama ada dari sudut pena'lukan atau dari sudut-sudut yang lain. Saiyyidina Umar adalah seorang yang sangat tegas dalam urusan agama. Beliau meriwayatkan sebanyak 539 hadits. 10 daripada jumlah itu diriwayatkan bersama oleh Bukhari dan Muslim. Sembilan daripadanya diriwayatkan oleh Bukhari sahaja. Sementara 15 daripadanya pula diriwayatkan oleh Muslim sahaja. Saiyyidina Umar telah mati syahid kerana ditikam oleh hamba Mughirah bin Syu'bah iaitu seorang majusi bernama Abu Lu'lu'ah Fairoz, ketika beliau sedang bersembahyang Subuh pada pagi Rabu di akhir bulan Zil Hijjah tahun 23H. Ketika itu beliau berumur 63 tahun. Dikebumikan pada hari Ahad awal bulan Muharram tahun 24H. Beliau sempat memimpin ummat Islam selama sepuluh tahun enam bulan. Sembahyang jenazah beliau telah diimami Shuhaib r.a. dan beliau dikebumikan di samping Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar, khalifah pertama ummat.

hijrahnya dikira kerana Allah dan RasulNya. Sesiapa yang berhijrah untuk (mendapat) dunia atau untuk berkahwin dengan seseorang wanita, hijrahnya dikira untuk tujuannya itu.”³⁶ (Bukhari-Muslim)

³⁶ Pengarang memulakan kitabnya dengan hadits ini sebagai peringatan kepada dirinya sendiri dan para pelajar supaya memperbetulkan niat sebelum memulai pelajaran dan pengajian hadits seterusnya. Niat yang seharusnya tersemat di dalam hati setiap pelajar ialah kerana Allah kitab ini dipelajari. Kitab ini juga dipelajari untuk mendapat panduan hidup dari Rasulullah s.a.w. Para ‘ulama’ bersepakat tentang kesahihan dan ketinggian kedudukan hadits ini. Mereka juga bersepakat tentang kepentingannya dalam kehidupan beragama. Bagi mereka, ia merupakan salah satu tonggak dan asas yang penting dalam agama Islam. Selain hadits niat di atas, tiga hadits berikut ini juga merupakan tonggak dan asas yang penting dalam agama Islam, iaitu: **الْحَلَالُ بَيِّنٌ وَالْحَرَامُ بَيِّنٌ** Bermaksud: “Antara tanda keelokan Islam seseorang ialah dia meninggalkan apa yang tidak berguna dan tidak berfaedah kepadanya.” **وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ** Bermaksud: “Yang halal adalah jelas dan yang haram juga jelas. Di antara keduanya ada banyak perkara yang tidak jelas.” **مَنْ أَخَذَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ** Bermaksud: “Sesiapa yang mengada-ngadakan sesuatu perkara baharu dalam urusan agama kita ini iaitu sesuatu yang tidak berpunca darinya, ia adalah tertolak.” Kerana pentingnya hadits niat itu, kita dapati sebahagian ‘ulama’ berpendapat ia mencakupi satu per empat (1/4) ilmu atau ajaran agama. Ada yang berpendapat ia merangkumi separuh (1/2) ilmu. Kedua-dua yang tersebut ini ada dinukilkan daripada tokoh-tokoh besar agama seperti Imam asy-Syafi’e dan lain-lain. Bagaimanapun Imam ‘Abdur Rahman Ibnu Mahdi, Syafi’e, Ahmad, ‘Ali Ibnu al-Madini, Abu Daud, Tirmizi dan kebanyakan tokoh ‘ulama’ berpendapat ia meliputi satu per tiga (1/3) ilmu atau satu per tiga daripada keseluruhan ajaran agama Islam itu sendiri. Sebabnya sesetengah ‘ulama’ menganggap niat mencakupi satu per empat (1/4) ajaran agama Islam ialah kerana haditsnya merupakan salah satu daripada empat hadits yang disebut-sebut sebagai tonggak dan asas yang penting dalam agama Islam. Alasan golongan yang mengatakan ia merangkumi separuh (1/2) ilmu ialah kerana niat adalah ibadat hati dan amal adalah ibadat anggota tubuh badan manusia. Atau kerana ajaran agama itu ada dua aspek kaitannya, zahir dan batin. Yang berkaitan dengan zahir adalah amal dan yang berkaitan dengan batin pula adalah niat. Imam Baihaqi mengemukakan alasan untuk golongan yang berpendapat hadits niat ini meliputi satu per tiga (1/3) ilmu atau satu per tiga daripada keseluruhan ajaran agama Islam itu sendiri dengan mengatakan: “Segala amalan manusia itu tidak terlepas daripada dilakukan oleh hatinya atau lidahnya atau anggota lahirnya yang lain-lain. Antara amalan yang dilakukan oleh hati manusia itu adalah niat.” **Kerana kepentingan dan kedudukan istimewa hadits inilah juga para ‘ulama’ salaf dan khalaf memulakan karangan mereka dengannya.** Imam ‘Abdur Rahman Ibnu Mahdi pernah berkata: **لَوْ صَنَعْتُ كِتَابًا بَدَأْتُ فِي أَوَّلِ كُلِّ بَابٍ مِنْهُ** Bermaksud: Kalau saya mengarang kitab, saya akan memulakan setiap babnya dengan hadits ini.” Beliau juga pernah berkata: **مَنْ أَرَادَ أَنْ يَصْنَعَ كِتَابًا فَلْيَبْتَدِئْ بِهَذَا الْحَدِيثِ** Bermaksud: “Sesiapa yang hendak menulis buku, dia hendaklah memulakannya dengan hadits ini.” Dalam ruang lingkup yang lebih luas lagi al-Khatthaabi (Abu Sulaiman Hamd bin Muhammad bin Ibrahim bin al-Khatthaab) pernah berkata: **كَانَ الْمُتَقَدِّمُونَ مِنْ شُيُوخِنَا يَسْتَحْبُّونَ تَقْدِيمَ حَدِيثِ (الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ)** Bermaksud: “Guru-guru kami dahulu suka mendahulukan hadits (Segala amalan dikira dengan niat) sebelum melakukan segala urusan agama.” **Asbabul Wurud Hadits Niat Di Atas.** Latar belakang yang mendorong hadits di atas diungkapkan oleh

Rasulullah s.a.w. dapat dilihat di dalam sebuah atsar sahih yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud. Kata beliau: *من هاجر يبتغي شيئا فهو له قال هاجر رجل ليتزوج امرأة يقال لها أم قيس وكان يسمى مهاجر أم قيس* Bermaksud: "Sesiapa yang berhijrah kerana sesuatu, hijrahnya dikira kerana sesuatu itu." Beliau (Ibnu Mas'ud) berkata lagi: "Pernah seorang lelaki berhijrah untuk berkahwin dengan seorang perempuan yang dipanggil (dikenali dengan) Ummu Qais. Lelaki itu kemudiannya disebut sebagai 'Muhajir Ummi Qais'." (at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Kabir). Begitulah tanggapan sebilangan besar penulis-penulis muta'akhkhirin. Kemusykilan yang sering kali ditimbulkan di sini ialah Abu Thalhah r.a. ketika masih sebagai seorang kafir pernah melamar Ummu Sulaim. Memeluk agama Islam adalah syarat yang ditentukan oleh Ummu Sulaim untuk menerima Abu Thalhah sebagai suaminya. Maka Abu Thalhah memeluk agama Islam. Bukankah Islam itu jauh lebih besar daripada hijrah. Bagaimana Islam Abu Thalhah dapat diterima tanpa sebarang teguran oleh Nabi s.a.w., sedangkan hijrah Muhajir Ummi Qais tidak, dia bahkan telah ditegur? Jawapan kepada kemusykilan itu ialah Abu Thalhah r.a. sebelum itu sebenarnya memang sudahpun berhasrat untuk memeluk agama Islam. Beliau memeluk Islam sebelum mengahwini Ummu Sulaim dengan kerelaannya sendiri, bukannya semata-mata untuk memenuhi syarat wanita yang hendak dikahwininya itu. Sebab itulah perbuatan Abu Thalhah tidak mendapat sebarang teguran daripada Nabi s.a.w. Berbeza dengan sahabat yang berhijrah tersebut yang menumpangkan niat berkahwinnya dengan niat hijrahnya. Walaupun kita yakin bahawa niatnya untuk berhijrah adalah lebih utama baginya, kerana beliau juga adalah seorang sahabat Baginda s.a.w. bukannya seorang munafiq. Namun ia tetap tidak disukai Allah s.w.t. yang menuntut sepenuh ketulusan dalam beribadat kepadaNya. Kita tidak dapat mengatakan hijrahnya betul-betul ikhlas seikhlas Islamnya Abu Thalhah tidak kerana lain melainkan kerana Rasulullah s.a.w. sendiri telah menyebutkan hijrahnya adalah untuk berkahwin. Tetapi kata Hafiz Ibnu Hajar, atsar Ibnu Mas'ud itu pun tidak jelas sebenarnya menunjukkan hadits niat di atas diungkapkan oleh Rasulullah s.a.w. berhubung dengan sahabat yang disebut sebagai 'Muhajir Ummi Qais' itu. Saya tidak menemui satu pun saluran riwayat yang menunjukkan dengan jelas tentangnya. Demikian juga kata Ibnu Rajab di dalam Syarah Arba'innya: "Sesungguhnya telah masyhur di kalangan orang ramai bahawa kisah 'Muhajir Ummi Qais' itulah merupakan 'sebab wurud' (latar belakang yang mendorong Nabi s.a.w. mengungkapkan sesuatu hadits) bagi sabda Rasulullah s.a.w. di atas. Ia disebut oleh sekian ramai penulis-penulis muta'akhkhirin. Namun saya tidak pernah menemui asasnya yang sahih." **Tujuan disyariatkan niat dalam ibadat** ialah untuk menyatakan perbezaan di antara amal (pekerjaan) ibadat dengan amal (pekerjaan) 'adat (kebiasaan) atau di antara jenis ibadat itu sendiri. Sebagai contohnya: Duduk di dalam masjid kerana beri'tikaf dan duduk berehat di dalamnya, sama saja zahirnya. Mandi untuk mengangkat hadats besar dan mandi untuk mendapat kesegaran, sama juga zahirnya. Yang membezakan kedua-duanya adalah niat. Sembahyang, puasa dan sedekah wajib (zakat) sama keadaannya dengan sembahyang, puasa dan sedekah sunat. Semuanya dinamakan ibadat. Tetapi yang dapat membezakan di antara jenis dan martabatnya ialah niat atau maksud orang yang melakukannya. Sementara itu ada pula perbuatan atau amalan yang asalnya bukan merupakan ibadat, kerana ia dilakukan atas dorongan naluri seseorang manusia. Seperti makan, minum, tidur, bersetubuh dan sebagainya. Tetapi ia boleh bertukar menjadi ibadat umum yang mendatangkan pahala sekiranya ia dilakukan dengan niat untuk menegakkan tuntutan agama. **Erti niat dan perbedaannya dengan iradat dan 'azam.** Dari segi bahasa 'Arab niat bererti tujuan, maksud, kehendak dan sebagainya. Menurut Syara' pula niat bererti *توجه القلب نحو الفعل* (Tumpuan hati terhadap sesuatu perbuatan yang dilakukan, semata-mata kerana Allah). Perkataan niat di dalam hadits di atas dipakai dengan erti bahasanya. Sebabnya